

26 JUN 2002
Zainuddin-Pas
PAS GUNA ISU PERDANA MENTERI UNTUK BERKEMPEN

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Pas mula menggunakan isu pengunduran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berkempen menjelang pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Anak Bukit dan kerusi Parlimen Pendang, kedua-duanya di Kedah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin berkata Pas telah mula kempen dengan menyatakan Malaysia mempunyai dua Perdana Menteri.

"Dia kata di dalam Parlimen hari ini bahawa ada dua Perdana Menteri. Mana ada dua Perdana Menteri. Dr Mahathir Mohamad masih Perdana Menteri dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah timbalannya," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Zainuddin berkata pilihan raya kecil Anak Bukit dan Pendang sangat penting bagi Barisan Nasional dan Pas.

"Jadi kita harap dapat melihat kempen yang bersih dan Pas telah salah tafsiran terhadap pengunduran Dr Mahathir kerana beliau masih sebagai Perdana Menteri," katanya.

Pilihan raya kecil itu bakal diadakan berikutan kematian penyandang bagi kedua-dua kerusi itu, Datuk Fadzil Noor yang juga Presiden Pas, pada Ahad lepas.

Terdahulu Zainuddin dikunjungi Naib Menteri Radio, Filem dan Televisyen China, Zhaou Shi bagi berbincang untuk memperkukuhkan kerjasama.

"Kita ada telah pertukaran berita, filem dan bahan-bahan penerangan yang lain dan kita harap kerjasama dalam bidang kebudayaan akan dapat diperkuatkan dan dilaksanakan dengan lebih berkesan," katanya.

Katanya, kedua-dua pihak akan berbincang untuk memperbanyakkan pertukaran filem dan latihan dalam produksi filem yang belum dijalankan secara berkesan.

"Kita juga akan bincangkan kerjasama dari segi teknikal dan pertukaran filem dokumentari, drama televisyen, berita ringkas dan rancangan hiburan berbentuk nasional dan tradisional," katanya.

-- BERNAMA
MUN MFJ MAI